

**TEKS UCAPAN YB TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT, TIMBALAN KETUA
MENTERI/MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR
SEMASA PELANCARAN KEMPEN KEBERSIHAN 2005 BANDARAYA KOTA
KINABALU PADA 14 JUN 2005**

Yang Berbahagia Datuk Iliyas Ibrahim, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu;

YB Pembantu Menteri-Pembantu Menteri;

YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen;

Ahli-ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu;

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Selamat pagi dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa sukacita kerana dapat bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan 2005 Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu yang bertemakan **“KK BERSIH UNTUKMU DAN UNTUKKU”**. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Datuk Mayor dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di atas inisiatif untuk mengadakan kempen kebersihan ini yang merupakan lanjutan kepada kempen kebersihan peringkat negeri yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri awal tahun ini di Tuaran.

Saya juga merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemimpin-pemimpin tempatan, para peserta dan hadirin sekalian kerana turut serta dalam upacara pelancaran pada pagi ini. Kehadiran kita semua dalam majlis pagi ini melambangkan komitmen kita semua untuk memastikan kebersihan Bandaraya Kota Kinabalu sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan secara berterusan.

Tuan-tuan dan puan-puan

Pemilihan Tema kempen “KK bersih untukmu dan untukku” atau “Clean KK for you and me” amat bertepatan untuk peringatan kepada kita semua betapa pentingnya kita sama-sama bertanggungjawab untuk meletakkan keprihatinan, komitmen dan usaha bersepadu dalam menjadikan bandaraya Kota Kinabalu satu bandaraya yang bersih, indah, cantik dan menarik untuk keselesaan dan kebanggaan kita bersama.

Saya berharap kempen kebersihan ini dapat mendidik serta meningkatkan kesedaran setiap anggota masyarakat, termasuk para pengunjung ke Bandaraya Kota Kinabalu, agar lebih prihatin dan bertanggungjawab terhadap penjagaan kebersihan alam sekitar serta sensitif ke atas sebarang pencemaran atau apa jua gejala yang boleh menjejaskan kualiti alam sekeliling kita.

Saya juga berharap kempen ini akan mampu menerapkan nilai-nilai murni dan budaya cintakan alam sekitar yang bersih di kalangan masyarakat kita. Jika amalan mulia ini dapat kita sama-sama budayakan dalam kehidupan seharian, bukan sahaja kita dapat menjadikan Bandaraya Kota Kinabalu suatu bandaraya yang bersih, harmoni dan selesa untuk didiami malah kita dapat sama-sama meningkatkan imej bandaraya Kota Kinabalu yang merupakan pintu masuk utama ke Sabah. Ini amat penting memandangkan keindahan dan keunikan alam semulajadi merupakan khazanah atau aset utama sektor pelancongan negeri.

Sebagai Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam aspek alam sekitar dan pelancongan, saya amat mengalu-alukan usaha-usaha gigih pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu meningkatkan tahap kebersihan bandaraya Kota Kinabalu memandangkan aspek kebersihan merupakan salah satu keperluan utama dalam sektor pelancongan. Tidak ada gunanya kita mempunyai banyak kemudahan yang bertaraf dunia tetapi keperluan asas iaitu kebersihan masih

berada pada tahap yang kurang memuaskan. Dengan itu, saya menyeru kepada semua warga bandaraya untuk sama-sama menjadikan slogan “KK bersih” realiti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pengurusan sampah-sarap seperti pengutipan dan pelupusan merupakan satu bebanan besar yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Berdasarkan kepada anggaran pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan perlu membelanjakan antara 40% hingga 70% perbelanjaan tahunannya hanya untuk mengutip dan melupuskan sisa-sisa domestik dan sampah sarap. Saya difahamkan pihak DBKK membelanjakan hampir 13 juta ringgit setahun atau hampir 37,000 ringgit sehari untuk mengutip dan melupuskan sampah di kawasan bandaraya Kota Kinabalu, yang mana jumlahnya mencecah 300 tan sehingga 350 tan sehari.

Akibat sikap yang kurang bertanggungjawab oleh sesetengah golongan masyarakat kita di Kota Kinabalu, kini kita sedang berdepan dengan dua masalah yang serius, iaitu pertama, pencemaran sungai, pantai dan perairan Kota Kinabalu oleh sampah-sarap termasuk bahan-bahan plastik. Ini bukan sahaja menjejaskan kualiti alam sekeliling dan nilai-nilai estetika bandaraya tetapi ini telah turut menjejaskan imej sektor pelancongan negeri Sabah serta boleh mendatangkan ketidakselesaan dan mendedahkan kita kepada pelbagai jenis penyakit berbahaya.

Kedua, tempoh hayat tapak pelupusan di Kayu Madang, Telipok yang semakin pendek kerana kapasitinya yang semakin berkurangan akibat penghasilan dan pelupusan sampah-sarap yang amat banyak. Jika perkara ini berterusan maka tapak pelupusan berkenaan hanya boleh digunakan sehingga tahun 2008.

Untuk menangani kedua-dua masalah ini, kita semua mempunyai tanggungjawab dalam melaksanakan kewajipan moral dan sosial dengan mempraktikkan dan membudayakan amalan nilai-nilai murni yakni mencintai alam sekitar. Ini termasuklah amalan menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar, menjimatkan tenaga, mengelakkan pembaziran sumber serta mengamalkan pengurangan penghasilan sisa berdasarkan konsep 3R iaitu "reduce (mengurangkan), reuse (menggunakan semula) dan recycle (mengitar semula).

Pengamalan konsep 3R amat penting dalam mengurangkan penjanaaan sampah khususnya bahan-bahan yang tidak mudah reput secara semulajadi (non-bio-degradeable). Dengan itu, adalah penting untuk kita mengamalkan kitar dan guna semula bahan-bahan yang boleh dikitar atau diguna semula seperti kertas, kaca, plastik, besi, aluminium dan sebagainya. Manakala sisa-sisa buangan yang mudah reput secara semulajadi boleh dijadikan kompos untuk memperkayakan lagi kesuburan tanah khususnya tanah pertanian kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kebersihan berkait rapat dengan faktor kesihatan, keselesaan, keindahan, kecantikan serta kemegahan penduduk sesuatu bandaraya. Disebaliknya, bandaraya yang kotor melambangkan bahawa penduduknya terdiri daripada orang-orang yang pengotor, tidak bertanggungjawab atau tidak bertamadun. Oleh itu adalah menjadi harapan saya agar setiap individu memulakan budaya suka mengingatkan rakan terdekat, saudara terdekat, jiran terdekat atau sesiapa sahaja yang hampir dengan kita mengenai pentingnya kita sama-sama memainkan peranan untuk menjadikan dan mengekalkan kebersihan bandaraya Kota Kinabalu.

Kejayaan kempen ini adalah bergantung kepada komitmen dan peranan yang dimainkan oleh setiap diri kita. Dengan slogan “KK bersih untukmu dan untukku”, kita perlu sama-sama menggembelingkan usaha dan tenaga untuk memerangi dan mengikis sikap golongan masyarakat yang tidak bertamadun dan kurang bertanggungjawab kerana suka membuang sampah-sarap merata-rata serta dihantui dengan ‘amah sindrom’ yakni beranggapan bahawa jika sampah tidak dibuang merata-rata tempat maka tidak adalah kerja tukang sapu atau pekerja DBKK.

Dengan sokongan padu semua pihak termasuk tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya percaya dan yakin bahawa kempen ini, bukan sahaja mampu mewujudkan golongan masyarakat yang lebih bertanggungjawab ke atas peningkatan dan penjagaan kebersihan bandaraya Kota Kinabalu tetapi dapat menjadikan DBKK sebagai contoh teladan atau “Role Model” dalam aspek kebersihan alam sekitar kepada pihak berkuasa tempatan yang lain.

Dengan kata-kata demikian saya dengan segala sukacitanya melancarkan kempen kebersihan peringkat Bandaraya Kota Kinabalu dengan temanya “KK BERSIH UNTUKMU DAN UNTUKKU” dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.